

30/09/2001

Mahathir isytihar Malaysia negara Islam

Wan Hazmir Bakar; Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam secara terbuka mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam, tapi pada masa sama meminta Pas menyahut cabaran memperincikan bentuk negara Islam yang cita-citakan.

Dalam pada itu, Perdana Menteri tidak melarang orang bukan Islam di negara ini menganggap Malaysia sebagai negara sekular berdasarkan tafsiran masing-masing.

"Orang bukan Islam mungkin berpendapat sedemikian kerana Perlembagaan Persekutuan menjamin kebebasan beragama dan kerajaan tidak memaksakan undang-undang Islam ke atas mereka.

"Jika kerana ini orang bukan Islam menganggap Malaysia sebagai negara sekular, ini adalah tafsiran mereka dan mereka bebas membuat tafsiran mereka," katanya berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Ke-30 Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) di sini.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, dan Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Sambil menyatakan bahawa dunia sudah lama mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam, Perdana Menteri berkata, hakikat ini berasaskan kepada pendapat sebilangan besar ulama dulu yang menjelaskan takrif negara.

Beliau yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, seorang ulama juga sudah menulis buku bertajuk 'Malaysia adalah sebuah negara Islam' yang membuktikan negara menepati pendapat umum ulama.

"Umno ingin menyatakan secara terang-terang bahawa Malaysia adalah negara Islam," katanya.

Pas sebelum ini mencabar Perdana Menteri mengumumkan secara rasmi di Parlimen bahawa Malaysia adalah negara Islam selepas gagal menyahut cabaran awal Presiden Umno itu berhubung bentuk negara Islam parti pembangkang itu.

Dr Mahathir, pada perhimpunan Agung Umno Julai lalu, mencabar Pas memperincikan secara bertulis rancangannya membentuk negara Islam yang dicita-citakan agar semua rakyat dapat memahami dan menilainya.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Mohd Noor, bagaimanapun, hanya menyatakan parti itu akan berbuat sedemikian selepas berjaya memerintah.

Perdana Menteri berkata, Umno berhak membuat perisytiharan itu kerana Malaysia sudah lama memenuhi takrif negara Islam dan pemerintahan yang dilaksanakan kerajaan selama ini sejajar dengan ajaran Islam.

"Jika Malaysia bukan negara Islam kerana tidak melaksanakan hukum hudud, maka dalam dunia ini tidak ada negara Islam kerana semua negara yang dikatakan negara Islam juga tidak melaksanakan hukum hudud," katanya.

Ketika ditanya pada sidang akhbar kemudian bentuk kenyataan beliau itu satu perisytiharan rasmi bahawa Malaysia negara Islam, Dr Mahathir berkata:.

"Ya, kita sudah kata berkali-kali. Fadzil Noor tak perlu tanya kerana saya sudah berkali-kali kata Malaysia negara Islam.

Dr Mahathir berkata, Pas cuba memainkan isu itu dengan harapan parti komponen BN tertentu akan menentang Umno apabila beliau membuat perisytiharan terbuka bahawa Malaysia negara Islam.

"Kononnya jika jika saya kata Malaysia negara Islam, kawan saya (dalam BN) akan menentang," katanya merujuk kepada Dr Lim dan Dr Ling serta pemimpin parti komponen lain yang hadir sama.

Mengenai tanggapan parti komponen lain bahawa Malaysia juga negara

sekular, Dr Mahathir berkata itu hak parti masing-masing tetapi itu tidak mengubah hakikat bahawa Malaysia sudah menepati syarat sebagai negara Islam.

Perdana Menteri berkata, yang penting ialah rakyat mengetahui bentuk negara Islam yang dicita-citakan Pas kerana ahli parti itu yang menyertai kumpulan militan menganggap demokrasi sebagai tidak Islam.

"Kita nak tahu Pas nak buat negara Islam macam mana. Fadzil Noor boleh jawab kerana kita suruh dia tulis terang-terang inilah jenis negara Islam. Kita nak tahu sama ada Pas nak amalkan demokrasi atau tidak dalam negara Islam dia. Tolong tulis terang-terang," katanya.

Sementara itu, Dr Lim, yang turut mengulangi cabaran Perdana Menteri itu terhadap Pas, berkata perkara itu adalah persoalan semantik yang bergantung kepada tafsiran masing-masing berhubung negara Islam dan sekular.

Katanya, yang penting Malaysia hari ini diiktiraf sebagai negara Islam dan pada masa yang sama orang bukan Islam tidak menentanginya kerana merasakan Malaysia juga negara sekular.

(END)